



LEMBAGA GETAH MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa dari syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia, PKK Kelas F kepala 1, CIBD dan masih dibenarkan menyertai tawaran sebutharga seperti berikut :-

NO.TAWARAN	BUTIR-BUTIR TAWARAN	TARIKH / MASA & TEMPAT TAKLIMAT
LGM/SPSB/...../ 2008	Cadangan Kerja Membaik Pulih Sebuah Jambatan Dan Lain-Lain Berkaitan Di Ladang Getah Stesen Penyelidikan RRIM, LGM Sungai Buloh, Selangor D.E.	Tarikh : 20 Ogos 2008 Masa : 10.00 pagi Tempat : Di Bilik Mesyuarat Seksyen Perkhidmatan Am LGM Sg. Buloh, Selangor D.E.
Kehadiran Ke Sesi Taklimat Adalah DIWAJIBKAN		

Dokumen Sebutharga boleh diperolehi pada waktu pejabat mulai tarikh diatas dialamat seperti alamat diatas dengan menunjukkan sijil asal pendaftaran Kementerian Kewangan, PKK, CIBD dan sijil taraf Bumiputra (jika bertaraf Bumiputra) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan semasa membeli Dokumen Tender.

Dokumen Sebutharga boleh dibeli dengan harga **RM50.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh sahaja)** senaskah yang tidak akan dikembalikan. Pembayaran hendaklah dibuat dalam bentuk (Bank Draf/Wang Pos atas nama **LEMBAGA GETAH MALAYSIA**. Wang Tunai/Cek tidak diterima.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Sebutharga dan dimasukkan ke dalam Peti Tender/Sebutharga yang ditetapkan **sebelum atau pada 29 Ogos, 2008, jam 12.00 tengahari.**

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
Unit Pentadbiran, Tingkat 15, Bangunan Getah Asli (Menara)
No. 148 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.
(Peti No. 3/4)

Lembaga Getah Malaysia tidak bertanggungjawab di atas kelewatan dokumen tender yang diposkan dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran yang dikemukakan.